

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada bantuan dana *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) akan diteruskan atau pun tidak bagi separuh kedua 2015 dan 2016 dan jika tidak diteruskan, apakah impaknya ke atas kemudahan sistem pengangkutan awam serta kesejahteraan hidup rakyat yang bergantung padanya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah pun memperuntukkan dana bagi pelaksanaan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) sehingga akhir tahun 2015.
2. Cadangan lanjutan dana ISBSF untuk tahun 2016 akan dibentang untuk pertimbangan Majlis Ekonomi (EC) pada akhir tahun ini.
3. Inisiatif ISBSF ini merupakan langkah dan bantuan yang bersifat sementara untuk menampung perbezaan antara kos operasi dengan pendapatan oleh Pengendali Bas Berhenti-henti. Langkah ini dapat memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti dapat dikekalkan, khususnya di laluan atau jajaran yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan serta membolehkan pengendali perkhidmatan mampu untuk memberi perkhidmatan yang lebih efisyen dan memberi manfaat kepada pengguna.
4. Bagi langkah jangka panjang industri ini, Kerajaan telah pun melancarkan program projek perintis *Stage Bus Services Transformation* (SBST) dan menyasarkan untuk dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat.

Sekian, terima kasih.